

## **Pendidikan Etik dalam bidang kejuruteraan**

### **Abstrak**

Semua insitusi pengajian tinggi berharap agar graduannya akan dapat memenuhi keperluan pekerjaan pasaran tempatan dan juga luar negara. Samada dalam atau luar negara, pihak majikan pastinya akan menginginkan pekerja yang bukan sahaja mahir melakukan kerja, memberi komitment yang tinggi tetapi yang lebih penting lagi beretika. Pekerja yang beretika dijangkakan dapat melaksanakan kerjanya dengan jujur, amanah, dan berintegriti. Ciri ciri ini akan dapat mempengaruhi keyakinan masyarakat terhadap profesion yang dianggotai oleh seseorang pekerja itu. Kebanyakan perbincangan mengenai pendidikan etik di masa lalu lebih tertumpu dalam bidang pengurusan perniagaan dan perubatan tetapi kini ledakan pendidikan etik telah meliputi kebanyakan bidang pengajian temasuklah dalam bidang kejuruteraan . Sehubungan itu, kurikulum program pengajian kejuruteraan telah diubahsuai agar pendidikan etik turut sama dijadikan sebagai sebahagian daripada kursus atau matapelajaran yang ditawarkan kepada pelajarnya. Bab ini membincangkan perkembangan yang berlaku dalam pendidikan etik kejuruteraan yang meliputi konsep, pengertian dan kepentingan pendidikan etik, etik dalam tugas kejuruteraan, kod etik kejuruteraan dan beberapa rasional pengajaran etik kepada para jurutera.